says: "Our attitude regarding the Malay language or Bahasa Kebangsaan is one full of support from the beginning up till now, but after Merdeka the most disappointing and the most heartaching thing happened to over two million Chinese which form the second largest community in this country is the position of the Chinese language, which not only did not receive its due consideration but fell far below the English colonial language." It went on, in another paragraph which I would like to quote: "Today, if we were to bring forth again the issue of the official language we would be accused of communalism or charged with disloyalty to the country. This is the most unjust accusation in the world." It further went on to say, "Chinese language in Chinese schools by right should be a compulsory subject just as Malay or English are made compulsory subject in Malay and English Schools. But today the Chinese students taking these examinations cannot afford to fail in the Malay language paper. On the contrary, the Chinese language is not compulsory. On merits and reasons this cannot be justified." Sir, we see that this was a memorandum presented to the Finance Minister, the national President of MCA, and presented by none other than the MCA Youth Leader, and one whose service has been recognised by the Alliance. Was he happy over this question of Chinese education with the present Rahman Talib Policy? It does not seem so, Sir. I have said it in the past and I will say it again, that we accept the Razak Policy as envisaged in the 1956 Report provided it is interpreted and implemented in its true spirit. But so long as the Rahman Talib Policy remains, so long will the people reject it.

Sir, I reserve to speak further when we discuss the Budget in detail, but before I sit down, Sir, I would like to make one last comment and that is with regard to the Member for Larut Utara. I hope he will not stand up again and tell me just to confine my comments on *lombong*, i.e. mining. I do not know under what Standing Order has he got this right to tell

Members of this House what to speak and what not to speak. I think under the Standing Orders, Sir, you are the person who will decide what a Member could or could not say. If the Honourable Member does not seem to know this, then I think he would do this House a great service if he were to get lost and return to Tanjong Tualang and stick to his petrol pump.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormat-nya menyambut dan memberi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar atas jasa²-nya yang chemerlang dan juga dalam ucapan-nya yang telah di-bacha dengan sa-penoh minat, tidak-lah menyesal atau ghalat bagi ra'ayat yang telah memilih beliau duduk di-kerusi Yang Berhormat itu. Saya sa-bagai wakil yang di-pileh oleh ra'ayat, wakil Pontian Selatan dengan tulus-nya menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan terutama kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, kerana sedang dan akan menunaikan dengan sa-penoh-nya segala janji² yang di-buat dalam manifesto tahun 1959.

Dalam kawasan saya Pontian Selatan di-diami lebih kurang 100,000 manusia pada masa ini sedang menekmati ayer paip di-satengah² kampung yang dahulu-nya pada waktu zaman penjajah mereka tidak pernah menekmati-nya. Tangki² ayer dan jentera² yang berharga berpuluh² ribu ringgit telah di-bena. Gunong Pulai kepunyaan Pontian telah di-perentahkan oleh Kerajaan Perikatan untuk memberi ayer yang bersih jernih di-seluruh kawasan Pontian Selatan dan juga Johor Bahru dalam tahun ini. Bagitu juga api² letrek telah mula menerangi pekan² kecil. Pondok² talipon telah di-bena di-seluruh tempat yang mustahak. Balai² raya telah di-bangunkan di-sagenap mukim dan kampung, demikian juga klinik² dan rumah² bidan. Jalan² raya dan jalan² kampung sedang di-bena di-tempat yang menasabah yang ditunjukkan sendiri oleh ra'ayat. Sekolah² sedang di-bena dan di-baiki. Masjid² dan surau² telah dan sedang mendapat

layanan yang sa-patut-nya—yang pada masa penjajah dahulu hal ini tidak diambil tahu langsung. Sa-buah Sekolah Lanjutan yang besar dan endah sedang hampir siap di-bena dalam bandar Pontian. Sa-buah Kilang Nanas yang berharga lima million ringgit tidak lama lagi akan di-bena di-Pekan Nanas. Sa-buah Kilang Susu Getah akan di-bena di-Kayu Ara Pasong. Pejabat² Pos telah di-buka di-Pekan Nanas dan di-Kukup. Jembatan² di-Pontian Kecil dan Pontian Besar sedang dalam urusan bagi membuat yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, segala kemajuan yang telah di-dapati itu ia-lah dengan kerjasama Yang Berhormat Menteri Besar Johor, pegawai² Kerajaan di-seluruh negeri, wakil² ra'ayat dalam Majlis² Tempatan, Majlis² Bandaran, Dewan Undangan Negeri, Dewan Ra'ayat P.T.M. Seluruh ra'ayat bersatu-padu menyambut Rancangan Pembangunan Luar Bandar dan membelanjakan peruntukan bagi tahun ini dengan chermat-nya sa-bagai ra'ayat yang tahu tanggung-jawab-nya dalam negara yang merdeka ini. Ketua² Kampung dan Penghulu² ada-lah pandai menjaga kampung dan mukim-nya. Anak² kampung patoh membuat kerja—bersama² bergotong-royong. Kaum ibu dan bapa di-kampung² sangat ranchak belajar di-kelas² dewasa dan juga di-kelas² agama. Wakil² Ra'ayat, Pegawai² Kerajaan dan Ketua² Kampung ada-lah bekerjasama, walau pun Penghulu² Mukim tidak menjadi ahli UMNO, tetapi mereka itu chukup mengerti dan menyambut segala rancangan Kerajaan dengan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit yang di-hidapi oleh tiap² negeri dalam Persekutuan yang di-tinggalkan oleh penjajah dahulu telah dapat di-ubat oleh Kerajaan Perikatan dan ra'ayat dalam negeri ini sedang dalam keadaan yang sihat roh, otak dan fikiran-nya, kechuali sa-buah negeri sahaja yang belum mahu menerima nasihat doctor—maseh tetap menggunakan pawang-mawang chara lama. Kasehan saudara² penghuni negeri yang malang itu!

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralah kepada Kementerian Pelajaran. Saya terlalu sukachita mendengarkan

bahawa bahasa kebangsaan itu akan di-daualatkan betul² di-sekolah² kebangsaan dan jenis kebangsaan, dan tidak-lah lagi ada di-pilih² atau diperah murid² daripada sekolah kebangsaan itu ka-Special Malay Class, hingga tinggal hampas di-sekolah kebangsaan itu. Shor itu ada-lah di-majukan oleh kaum ibu UMNO sendiri. Satu perkara yang sangat saya sukachita di-sekolah jenis kebangsaan sekarang telah di-adakan pelajaran agama. Saya minta pelajaran agama yang di-beri di-sekolah² itu jangan tohor benar. Biar sedikit, tetapi jiwa, isi, dan pati agama itu di-beri dan disuntik kedalam jiwa tiap² murid itu. Tiap² bangsa dalam dunia ini kalau ada pelajaran agama yang di-anut-nya itu betul² di-dalam jiwa-nya, mereka itu akan menjadi orang baik².

Sa-perkara lagi saya minta kepada Kementerian Pelajaran ia-lah hendak-nya di-tugaskan betul² mendidik murid² dengan akhlak, sopan santun, di-ajar, di-tunjok dan gunakan kitab² yang terpilih. Guru² di-tiap² sekolah mengambil minat tentang perkara ini supaya anak² kita yang bagaimana pun pandai-nya dan tinggi ilmu-nya keluar dari sekolah itu biar-lah bersama² dengan adab, sopan santun dan kebudayaan yang di-anut oleh bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang halus dan berseh itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Siaran Radio, pula sa-kali lagi saya berseru dalam Dewan ini supaya tolong hati². Sa-lain daripada memberi hiburan kepada seluroh manusia, biar-lah di-dalam hiburan itu ada di-dalam-nya didekan atau pun hiburan jiwa, tidak sa-mata² hiburan nafsu. Apabila tiap² hiburan itu di-sulam dengan didekan suchi maka nafsu yang berkubar² dapat di-atasi oleh roh yang suchi.

Orang mengagak, saya akan meng-gegar Dewan ini berkenaan dengan "babak chium" itu (*Ketawa*) tetapi yang sa-benar-nya saya tidak mahu lagi sentoh. Saya akan berchakap point lain.

Mr (Deputy) Speaker: Bagus.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Saya hendak berchakap dalam hiburan wayang gambar pula. Sa-patut-nya

pengarah² filam itu, terutama bangsa lain hendak-lah di-beri kursus (course) betul², kalau tidak lulus surat akuan jadi pengarah jangan di-beri. Pengarah hendak-lah mengarah gambar mengikut kebudayaan, adat istiadat, yang elok suchi dan sempurna di-dalam negara yang merdeka dan demokrasi ini.

Sekarang saya berchakap berkenaan dengan buku². Ta'usah-lah di-agak² lagi memungut buku² yang luchah² itu betul² sa-bagaimana menangkap penjahat²—buku² luchah dan gambar²-nya kerjakan betul² (*Ketawa*). Kerana kebanyakan buku² dan gambar² itu merosakkan akhlak anak² kita. Budak² ini menengok gambar luchah menchuri dan memanjat. Budak² ini ikut betul² macham mana chara dalam gambar itu, gaya menchuri dan merompak. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli² Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya. Buku² ini bukan sahaja yang datang dari luar negeri, tetapi buku² dalam negeri ini juga patut di-tapis betul² oleh penapis² yang jujur.

Tuan Yang di-Pertua, petang sa-malam saya menghadhiri majlis di-Sekolah Rumah Tangga di-Johor Bahru. Saya chukup kasehan, Tuan Yang di-Pertua, kerana biasa-nya murid² yang tinggal di-asrama men-dapat \$1.10 sa-orang, tetapi pada masa ini tinggal 72 sen. Saya di-beritahu oleh Guru Besar ia-itu murid² yang dudok di-asrama ini tidak sama dengan murid² yang dudok di-asrama sekolah biasa. Murid² itu memasak, membasoh, menggosok semua-nya sendiri, kadang² menchuchi parit dan menanam pokok bunga pun sendiri. Saya merayu tolong-lah beri \$1.10 saperti dahulu—estimewakan-lah murid di-sekolah Rumahtangga itu yang hanya beberapa buah sahaja bilangan-nya.

Dalam perkara asrama ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengu-langi sa-kali lagi ia-itu *Ketua Asrama* itu hendak-lah di-uji betul² sa-belum dia di-terima. Ada-kah tengkah laku-nya baik, ada-kah dia itu dapat di-tauladani oleh murid² di-dalam asrama itu, ada-kah dia itu sa-orang yang berseh, tidak muka², tidak pura². Hendak-nya biar-lah sa-chuchok Ketua Asrama dengan murid² yang tinggal di-situ. Murid² itu ber-

kebudayaan timor, maka hendak-lah Ketua Asrama itu berkebudayaan timor juga, dan jangan sa-barangan, dia hendak-lah di-beri kursus sa-belum di-terima.

Saya harap pehak Kementerian ini mengambil berat di-atas perkara ini jika betul² hendak mendidek anak² kita lelaki dan perempuan dari segala puak dalam negeri ini yang bersama² dudok di-Asrama itu. Bahkan itu-lah peluang yang baik budak² itu dapat belajar, kalau ibu Asrama-nya baik maka budak² itu pun akan menjadi baik. Saya rasa sa-banyak itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, lepas-lah tekilan saya, terima kaseh.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama² dengan Ahli² Yang Berhormat Perikatan yang lain menguchapkan tahniah dan memberi pujian kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di-atas ucapan belanjawannya tempoh hari dahulu. Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada pada masa ini, saya dapat tahu, beliau ada-lah ahli yang tertua sa-kali dudok dalam Dewan ini ia-itu hampir² 15 tahun. Jadi, pada pendapat saya, kerja²-nya berkenaan dengan perbelanjaan negara ini sudah kena-lah pada tempat-nya, kerana dia sa-orang yang tegoh pendapat-nya dan tidak boleh di-ganjak² apa keputusan yang di-buat-nya. Dan juga saya ada mendengar daripada satu pehak mengatakan dalam bahasa Inggeris: "It is very difficult to convince Mr Tan Siew Sin, Minister of Finance". Saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Menteri Kewangan yang menjaga betul² hal perbelanjaan negara kita ini.

Soal yang kedua berkenaan dengan menaikkan chukai pitrol dan rokok, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan ini. Saya nampak ta' chukup 10 sen itu, saya menchadangkan patut di-naikkan 50 sen kerana tiap² orang yang mampu membeli motor car sampai 38 ribu ringgit dengan berkunchikan emas, jadi saya rasa tidak hairan-lah dia boleh membayar lebeh daripada itu. Begitu juga rokok, patut di-kenakan chukai lebeh maka akan kurang-lah penyakit

cancer sa-bagaimana doctor² telah berpendapat.

Dan juga saya suka hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Kesihatan penduduk² negara ini ada-lah satu perkara yang utama dan patut kita jaga, dan saya seru-lah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu membuat satu pelan yang betol berkenaan dengan kesihatan di-negeri kita ini. Sebab-nya; saya minta ma'af, saya sudah tiga tahun dudok menjadi Ahli Dewan Ra'ayat di-sini, saya nampak berkenaan dengan Kementerian Kesihatan ini chukup chergas. Maka saya harap juga-lah Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang baharu ini membuat dan mengkaji betul² serta membuat satu pelan yang sempurna berkenaan dengan kesihatan negara dan saya berharap-lah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, jika sa-kira-nya ada Menteri Kesihatan ini minta duit maka hendak-lah di-berikan.

Berkenaan dengan perkara pengangkutan, saya suka-lah menyentoh sadikit. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ini selalu-nya, apabila saya membuat rayuan di-tengking²-nya saya, tetapi saya terpaksa-lah pada hari ini membuat chadangan . . .

Mr (Deputy) Speaker: Kali ini ta' apa-lah.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: Saya hendak membuat chadangan berkenaan dengan perkara taxi². Pada masa sekarang ini taxi² bercheluaru rupa-nya, chontoh-nya ada kadang² kereta M.P., orang kata taxi juga. Jadi, saya chadangkan supaya tiap² taxi mesti-lah Menteri Pengangkutan membuat satu Undang² ya'ani tiap² taxi hendak-lah di-adakan macham Station Wagon. Jadi, dapat di-bedzakan di-antara motorcar pakai dengan taxi. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan jangan tengking saya lagi (*Ketawa*).

Dalam Treasury Memorandum yang ada di-kembarkan bersama² dengan budget pada tahun ini, saya lihat ada satu "Compensation for loss of career. There will be sharp drop in the number of expatriate officers retiring in 1963".

Di-sini bukan-nya saya hendak mengangkat expatriate officer, tidak. Oleh sebab negara kita ini di-dalam pembangunan maka mereka itu maseh diperlukan lagi dalam satu² jurusan umpama-nya dalam jurusan jurutera kerja raya—P.W.D. Di-tempat saya pada masa sekarang Jurutera Kerja Raya ini di-pegang oleh expatriate officer. Maka saya dapati kerja saya pun kurang kerana saya tidak payah pergi mengikut memereksa kerja² di-tempat² itu, kerana dia sendiri memberi report kepada saya yang kata-nya, “Yang Berhormat Enche’ Hussein, jangan-lah bimbangkan perkara jalan raya ini”, jadi kurang-lah sedikit kerja saya. Kalau sa-saorang pegawai yang tidak saya perchayaī maka selalu saya kena pergi sama ada-kah kerja² itu di-buat dengan betul² atau tidak. Saya memberi pujian kapada-nya; nama-nya saya harap Menteri Kerja Raya akan mengambil ingatan ia-itu Mr Purcell, dan dia pun maseh muda lagi, dan apabila habis contract-nya saya sokong-lah supaya di-panjangkan lagi contract-nya bekerja.

Sekarang saya masok perkara Menteri Dalam Negeri. Di-kawasan saya, ia-itu sa-belah utara, orang² Asli telah di-bagi tiga kawasan dan ini boleh-lah di-puji juga. Kampong Kuala Koyan jauh-nya 36 batu dengan bandar Kuala Lipis jalan pergi ka-situ menggunakan motor boat, di-sini Kerajaan telah ada membuat Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan sudah nampak-lah orang² Asli ini merasa sedikit nikmat di-dalam Ranchangan Luar Bandar. Baharu² ini saya telah melawat di-tempat itu, sunggoh pun pondok² di-situ di-buat daripada buloh tetapi mereka ada mempunyai Radio Transistor di-dalam rumah-nya itu. Dan juga mereka telah mengerti pakai batek² Kelantan.....

Mr (Deputy) Speaker: Panjang lagi tuan hendak berchakap?

Enche’ Hussein bin To’ Muda Hassan: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Mr (Deputy) Speaker: The sitting is now adjourned to 4.30 p.m.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1963

Debate resumed.

Enche’ Hussein bin To’ Muda Hassan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya yang ditanggohkan pagi tadi, berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, kita sama² mengetahui Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, pada diri saya ranchangan yang di-lancharkan oleh Kerajaan Perikatan pada masa ini ada-lah satu ranchangan yang terbaik untuk menebus kemiskinan dan penderitaan yang di-rasakan oleh ra’ayat jelata lebeh kurang 75 tahun dahulu. Jadi ranchangan ini ia-lah satu ranchangan yang baik sa-kali untuk meninggikan taraf hidup ra’ayat. Pada diri saya ranchangan ini ada-lah menjadi darah daging pada saya dan jika ada bangkangan daripada mana² pehak berkenaan dengan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini, tidak dapat-lah apa saya hendak katakan. Di-dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini terutama sa-kali ranchangan menanam getah, telah ada banyak hasutan² yang di-buat daripada luar, di-dalam kawasan saya ada dua ranchangan di-bawah ranchangan menanam getah sa-mula sa-luas 1,000 ekar lebeh, dan mereka telah di-hasut dan ini telah termasuk pada ‘akal, orang² yang mendapat tanah² itu, hasutan² yang tidak bertanggung-jawab itu. Di-tempat saya ada orang menghasut yang dasar ranchangan tanah di-bawah ranchangan menanam sa-mula itu, jangan di-terima sa-belum pokok getah itu boleh di-toreh. Banyak orang² yang datang berjumpa saya meminta ranchangan tanah getah itu di-bahagi kapada pemilek² apabila pokok getah itu hingga boleh di-toreh. Saya jawab, itu tidak chukup, lebeh baik-lah minta Kerajaan torehkan, kemudian minta Kerajaan jualkan pula. Ini ada-lah hasutan² yang sentiasa di-dengar dalam Dewan ini dan Ahli Yang Berhormat daripada Damansara mengata dengan mengijek² hal ranchangan tanah getah itu. Oleh sebab

hasutan ini, maka orang² tidak mahu membuat kerja, sa-patut-nya tujuan yang baik itu patut kita sokong, sebab saya dapati di-tempat saya ada keturunan orang² yang tidak pernah memiliki tanah kebun getah. Ranchangan di-bawah tanaman sa-mula ini ada-lah lain daripada ranchangan tanah di-Lembah Bilut. Ranchangan itu dapat dengan perchuma sahaja, maka ini-lah saya berasa dukachita hasutan² yang sentiasa di-buat kapada penduduk² yang tidak luas pandangan-nya. Tetapi Kerajaan tidak akan diam begitu sahaja, Kerajaan berhak menarek balek tanah² itu sa-kira-nya tanah² itu tidak di-jayakan. Undang² telah di-buat oleh Kerajaan ia-itu apabila sa-saorang pemilek tanah itu telah di-tarek balek, maka orang itu tidak akan merasa lagi memilek Ranchangan tanah Kerajaan sampai bila² pun.

Di-sini saya menarek perhatian pula di-kawasan saya Cameron Highland, pada masa ini tempat ini sedang dibuka, banyak orang telah pergi dudok di-situ membuka tanah², berkebun sayur dan berkebun teh, di-sini ada satu kawasan Pejabat Tanaman Bertanam Teh di-kekelolakan oleh pehak Kerajaan Federal. Kawasan ini lebeh kurang 50 ekar. Pada masa ini Kebun Teh Pejabat Tanaman di-Cameron Highland itu telah jadi di-tengah² bandar. Jadi untuk menambah hasil negara, lebeh baik-lah di-pindahkan ka-tempat Kebun Teh Pejabat Pertanian Federal ini sebab tanah di-Cameron Highland itu luas lagi. Kebun Teh Pejabat Pertanian yang ada itu di-bagi pada orang² untuk membuat rumah² atau kedai², apabila tuan² melawat Cameron Highland sila-lah lihat tempat itu betul² tengah bandar berhampiran dengan sekolah pula. Rumah² boleh di-dirikan, dan chukai pintu boleh di-dapati. Saya mengambil kesempatan menyebut Pulau Tioman pula. Pulau Tioman bukan kawasan saya, Pulau Tioman ada-lah satu pulau yang amat endah kira² 60 batu jauh-nya dari pantai Pahang. Di-Pulau Tioman banyak pokok² kayu penaga, pokok damar minyak dan seraya, tetapi sayang oleh sebab pulau itu penoh dengan bukit berbatu, apabila di-tebang pokok² besar itu, bila tombang selalu jatuh atas batu² maka habis-lah pechah dan patah hingga

ta' dapat di-gunakan. Saya seru kapada Kerajaan untuk menambah hasil negeri kita menchari satu chara mengambil kayu² yang berharga di-Pulau Tioman itu supaya kayu² itu tidak terbiar begitu sahaja. Dan juga saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Sharikat Kerjasama berkenaan dengan menangkap ikan di-Pulau Tioman itu, sa-patut-nya perkara ini saya berchakap dalam Fishery Bill, tetapi lebeh baik saya berchakap dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Penduduk² di-sana hanya-lah mata pencharian-nya ia-lah menangkap ikan. Apabila ikan² telah di-tangkap maka di-bawa ka-Mersing yang jauh lebeh kurang 30 batu. Pada masa saya di-sana, saya telah sempat bertanya dengan penangkap² ikan itu, kata-nya ikan² itu apa kata taukeh² di-Mersing sahaja-lah. Yang saya sedehkan daripada cherita orang² di-situ ia-lah mereka itu telah berhutang pada taukeh² di-Mersing itu sejak dari dato' nenek mereka dahulu hingga ka-chuchu mereka. Dengan hal yang demikian penangkap² ikan itu sentiasa-lah diperah oleh taukeh² ikan itu. Maka di-sini saya menchadangkan kapada Kerajaan melalui RIDA sila-lah bantu mereka itu supaya terlepas daripada chengkaman taukeh² ikan itu. Dan juga di-Pulau Tioman sana ada satu jiti yang di-buat untuk orang² naik ka-darat, saya berpendapat jiti itu ta' ada faedah-nya bagi penduduk² di-situ, sebab jiti itu pendek. Jadi saya berharap supaya Menteri Pembangunan Luar Bandar, ia-itu di-kawasan dia sendiri, supaya pergi menyiasat di-tempat itu supaya di-panjangkan sadikit jiti itu daripada yang ada sekarang, supaya senang sadikit penduduk² di-situ naik ka-darat dan turun ka-laut kalau tidak tentu-lah jiti yang ada itu membazir sahaja.

Sekarang saya pergi kapada Kementerian Pelajaran. Sunggoh pun scholarship ini ada di-tetapkan quota-nya bagi penuntut² Melayu, tetapi selalu-nya quota ini tidak di-penohi, sama ada scholarship untuk menuntut di-university sa-berang laut atau pun university di-sini. Oleh itu saya suka menchadangkan di-sini ia-itu untuk faedah anak² Melayu, apa salah-nya di-kendorkan sadikit sharat² itu, walau

pun dia mendapat grade tiga dan mendapat P dalam English kalau boleh kita chuba-lah hantar dia ka-luar negeri, mudah²an dengan pergi ka-seberang laut, otak-nya akan jadi bergeliga sadikit, dan bersungguh² tekun belajar. Rasa saya elok bagi Kerajaan supaya mengendorkan sadikit syarat² mendapatkan scholarship itu. Saya bukan-lah menchadangkan supaya scholarship ini untuk pelajaran Inggeris sahaja, bahkan juga dalam pelajaran² Melayu dan Arab sama ada di-hantar di-Cairo mahu pun di-mana² sa-kali pun asalkan murid² itu betul² hendak meninggikan pelajaran-nya.

Dalam Treasury Memorandum ini tadi saya telah sebutkan berkenaan dengan expatriate officers, dan sekarang saya suka hendak berchakap berkenaan dengan gratuities—5 (a) A reduction in gratuities payable under Regulation 16 on Pension Regulation and under Section 24 of the Malayan Establishment Pension Minutes. The raising of the retiring age to 60 years is expected to reduce the number of retirements for a short period. Jadi umur 60 tahun, rasa saya ta' ada faedah-nya kepada orang² Melayu khas-nya, sebab bila mereka sampai umur 50 tahun kalau mereka kerja kerani mereka ta' hendak kerja lagi, apa-tah lagi kalau umur 60 tahun. Saya fikir lebih baik di-jadikan umur bersara ini kepada 50 tahun sa-mula. Saya tahu umur penchen 60 tahun itu ia-lah datang-nya dari kaki-tangan Kerajaan yang ada masok Widows and Orphans Pension Fund Contribution, maka dengan sebab itu makin lama mereka bekerja, makin banyak wang yang mereka akan perolehi. Yang dapat ini sa-gelintir manusia sahaja. Kalau perkara ini berpanjangan sampai umur 60 tahun, rasa saya ada orang² Melayu yang ta' sampai umur-nya 60 tahun, mereka ini akan mati. Apabila mati dapat sa-tahun gaji sahaja, apa faedah-nya? Oleh yang demikian berilah mereka peluang untuk berihat² sa-telah mereka berkhidmat 24 tahun atau lebih dan dapat-lah mereka itu makan penchen-nya lama sadikit. Kalau orang² yang masok W.&O.P.F. walau pun dia telah mati tetapi penchen-nya sentiasa di-terima oleh janda-

nya atau pun anak²-nya sampai bila² masa pun. Ini satu perkara yang mustahak yang saya suka menarek perhatian Kementerian yang berkenaan sunggoh pun perkara ini di-putuskan oleh Whitley Council, tetapi saya harap Kerajaan dapat menyemak dan menyiasat tentang umur penchen ini semula.

Dalam Treasury Memorandum ini juga ada di-sebutkan Increase is due to the general expansion of the Armed Forces. Saya suka hendak menyebutkan berkenaan dengan Tentera Udara Di-Raja Persekutuan—Royal Malayan Air Force. Mereka yang berkhidmat di-sini ada-lah bernasib baik, kerana mendapat tempat British Royal Air Force dahulu kerana tempat kediaman lebih baik, bagitu juga tempat tidur dan makan mereka pun ada-lah baik, tetapi sayang sadikit bagi mereka yang dudok di-sini ta' ada jaminan berkenaan dengan penchen atau pun pendapatan mereka. Di-sini saya suka menarek perhatian Kerajaan berkenaan dengan Provident Fund—jikalau saya silap minta di-betulkan ia-itu tiap² orang yang berkhidmat baik tentera udara mahu pun tentera darat, mereka ini tidak ada Provident Fund. Jadi kalau mereka ini berhenti dari perkhidmatan-nya mereka akan dapat bakhsis \$500 sahaja; tetapi bagi pehak orang² yang berkhidmat sa-bagai polis atau Malay Regiment, saya fikir ada juga baik-nya dalam hal penchen² dan bakhsis²-nya.

Saya suka menarek perhatian berkenaan dengan Malay Regiment. Kebanyakan Officer yang telah berkhidmat sa-belum perang dan telah mengambil bahagian dalam Perang Dunia Yang Kedua dan mengambil bahagian memusnahkan komunis dalam masa dharurat, tidak dapat naik pangkat, kalau dia itu Major atau Sergeant Major maseh sa-lama²-nya jawatan itu juga-lah. Ada orang yang baharu masok yang tidak merasa masok perang dan masa dharurat terus naik pangkat Lt Colonel. Saya harap kepada Kementerian Pertahanan supaya semua Major yang sudah lama berkhidmat itu hendak-lah di-beri pangkat sa-belum mereka bersara.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mengatakan

ia-itu Employees Provident Fund ada memberi pinjaman kepada Malayan Borneo Building Society. Di-sini saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan ia-itu pada masa ini banyak sharikat telah ditubuhkan seperti sharikat² perumahan, konterektor² dan lain². Saya harap Employees Provident Fund hendak-lah memberi peluang kepada sharikat² ini meminjam wang untuk membesarkan modal mereka, dan kenakan interest kepada mereka, tetapi jangan tinggi sangat.

Enche' V. Veerappen (Seberang Selatan): Mr Speaker, Sir, I wish to make a few comments on the Budget proposals generally and particularly with reference to the allocation for the Ministry of Education.

Sir, I wish first of all to touch on the growing public debt which stands at \$1,504 million. This amount does not include, I think, the \$87,000,000 which this country owes to the United Kingdom Government. What is alarming, in my opinion, is the yearly loan charges or interest paid on these loans. According to the Minister of Finance, and as provided for in the Budget, these loan charges amount to \$121,000,000 this year. Now, Sir, this is more than ten per cent of our income, and it works out at roughly \$20 per head of the population. Literally, it means that every person, young or old, child or baby, has to pay \$20 per head on interest alone; in a family of five it would amount to \$100; and in a family of ten it would amount to \$200. This, in my opinion, is really frightening. The Minister has drawn our attention to this but, unfortunately, he seems to have done nothing about it. In fact, he is looking for more and more loans. This, of course, is inevitable because of the capitalistic policy of the Government and the eagerness of the Minister of Finance to help the rich get richer. (HONOURABLE MEMBERS: Oh Oh!) I hear "Oh Oh." Any way, Sir, the taxation policy as pointed out by the Honourable Member for Tanjong and also the tariff policy of the Government are not realistic and progressive enough: they

give, in fact, more incentive to the unscrupulous speculators and capitalists of this country to grab as much as they can.

Mr Speaker, Sir, in 1959 the lower income groups were brought into the tax net and the personal reliefs for wives and children were heavily slashed, and thousands of people are still groaning under these tax burdens—and the Minister has given little or no relief to them. On the other hand, capitalistic enterprises and the well-to-do's have been given everything that they have asked for. Their ceiling for tax is the lowest—40 per cent for companies and 45 per cent for income tax.

The Income Tax Ordinance has also been amended several times for the benefit of these people. They have got increased relief for depreciation and so forth, and they have a multitude of tariff protection. We know that in some countries, as my Honourable friend has stated, the tax ceiling is very much higher: let us take, for example, the Muslim country of Egypt—there it is 90 per cent for the higher-ups. I, therefore, venture to suggest Mr Speaker, Sir, that the Government should reconsider its policies, and instead of going for more and more loans, it should consider direct participation in the exploitation of the natural resources of the country. It cannot afford any further to allow private capitalists and speculators to exploit the natural resources of the country for their own private profit. In this connection, I would like to quote a little from the magazine, "Muslim News" on the development policy of the United Arab Republic:

"In order to achieve their object of strengthening the national economy, they drew up a plan for rapid industrialisation and enforced a land reform law, which stated that no individual could own more than 200 acres of land—later it was reduced to 100. Under this law of the U.A.R. total agricultural land of 6,000,000 acres only 1,177,000 acres were retained in properties of 200 acres or more. Apart from putting an end to age-old feudalism, the land reform aimed at setting up Government aided co-operatives and increasing cultivation and production. The law enabled the small landowner to have more land and the hired farmers to

own land of their own. It brought about a state of stability in the agricultural community, regulated relations between the tenants and landowners on a sound basis, stopped the harmful race of land ownership and diverted capital to the industrial sector where it was more needed."

If this can be done in Egypt, which is a Muslim country, I see no reason why it cannot be applied to our own country. I believe that only such a drastic policy can increase the earning power of the rural people, so that they may enjoy the facilities and amenities that are being brought into the rural areas. At present, roads, electricity and water supply still remain as luxuries to them, because they can hardly feed themselves.

Now, Sir, I come next to the question of Budget allocations. To my mind, Sir, these allocations are lopsided and it appears that only the favourite Ministries or the Ministries of the Minister of Finance seem to get importance. It is, of course, unthinkable that there can be favouritism even in the Cabinet. In his Budget Speech, I think the Minister of Finance took great pains to tell us that the largest single increase was again for Education. But to my mind, percentages speak louder than amounts. Let us examine the ordinary Estimates. We will find that the Ministry of Education gets only 3 per cent increase, Health another 3 per cent, whilst Rural Development gets 16 per cent and the Prime Minister's Department gets 37 per cent. Agriculture is, of course, the cinderella which gets only 0.6 per cent—perhaps this is because the previous Minister of Agriculture has done all the work and that there is nothing more for the new Minister to do (*Laughter*). Well, the figures seem to say so. Now, let us look at the Development Estimates: Education gets 6 per cent less, Agriculture gets 17 per cent less, Health—worse still—gets 29 per cent less; whereas the Ministry of Rural Development gets 13 per cent more and the Prime Minister's Department 20 per cent more. These are my rough calculations and they are based on the 1962 Estimates. These amounts are already low, but what is worse is that

most of the money that was voted for last year for these Ministries was not permitted to be spent; in other words, the money was frozen by the Treasury, and I wonder whether it will be permitted to be spent this year.

However, Sir, as far as new projects are concerned, there is very little that has been provided for. In fact, as far as the Ministry of Education is concerned, I think this year's new allocation amounts to \$6.2 million. I wonder how in the world they are going to carry out all those promises which have been made in the Rahman Talib Report. I will try to explain more about that later. But I pity the new Minister of Education—I hope his seat will be comfortable!

Now, let us look at the other Ministries, especially the Ministry of Works, Posts and Telecommunications. This Ministry seems to have finished more than two-thirds of the allocation for the whole of the five years. I do not know why this should be so. Maybe that Ministry is more efficient, but maybe there is something more than that. The Minister has tried to tell us that roads and buildings are things which yield profit, or rather they are more economical. Are they more economical, say, than agriculture? I do not think so. But does he get something for every mile of road constructed or every building put up? If not, what is the reason? I am sure that there is something more tempting in the construction of roads and buildings and in the purchase of equipment. I fail to understand also why senior members of the P.W.D. join firms of contractors and sometimes become contractors themselves when they retire or resign. Maybe therein lies the tragedy, and maybe the answer. As for the Prime Minister's Department and the Ministry of Rural Development, we can, of course, understand—the Minister of Finance might be too eager to please them; but I doubt if the Prime Minister appreciates such kind of, what shall I say, "bribery".

Coming back to the increase in the Ministry of Education, which is roughly \$6 million or 3 per cent, let

us ask in all sincerity the Minister of Finance whether he himself believes that with this the Ministry of Education can carry out the promises of the Rahman Talib Report. This Report, which we passed in 1960, gives estimates of the amounts of money that would be required from year to year. I have done a little bit of calculation, and I find that for post-primary schools alone \$19 million would be required, for primary schools \$8.4 million—this is the normal increase, for secondary schools \$5.1 million, and for religious instruction \$0.5 million would be required; all these make a total of \$32 million. If the total expenditure is \$32 million, how can \$6 million suffice? Therefore, I think we were right in saying that this question of trying to have post-primary schools and trying to raise the school leaving age, was bunkum and it was an attempt to mislead the people. Why do I say that? We know that this year, 1962, was the first year when post-primary classes were introduced. From a three-year course, this has now been reduced to a two-year course. That means to say that in 1963, there will be two classes for every one class—unless the Finance Minister thinks that that class would have disappeared. Of course, the intention is to have that class and, therefore, there will be two classes for every one post-primary class. Therefore the expenditure should definitely have increased. This is not dealing with paper work; this is dealing with children; and, therefore, there must be additional teachers and additional classrooms. If that is so, that alone would cost \$19 million—that cost alone would have doubled. But, here, it is not so. The amount is so little that, as I said just now, I believe we were right in saying at that time that it was a calculated attempt to mislead the people into accepting the Rahman Talib Report.

Now, I come to the Ministry of Education itself—though I have been arguing for some time now. Some time ago, I did congratulate the Ministry for taking steps to regularise the appointment of headships and other

promotion posts, because there was favouritism in those appointments. However, certain facts, which have popped up, show that officials in the Ministry are so dogmatic and so blind that they cannot adjust themselves to realities. There was a recent incident which appeared in the papers, and I think, perhaps, Members might be aware of that. A normal—trained teacher with many years of teaching experience was appointed to act as the Principal of the Senior Methodist Girls' Secondary School, Kuala Lumpur. The Education Secretary wrote to the Chief Education Officer, who is, of course, the representative of the Ministry in the State, asking for confirmation as Head of the School. They wanted this lady to be the Head of the School. However, the Ministry wrote back saying that the School should look for a graduate and the Education Secretary just dropped the matter. This lady kept on acting as head of the school. It was after three years in 1961 that the Chief Education Officer, Selangor, wrote to the school asking what had happened—I don't know how he woke up. Then the school replied that this lady who was acting was a suitable person and had been doing the work for the last three years and she was in every way eligible to be appointed as head. Then came the Ministry's letter saying that this was a post for a graduate and the lady concerned in the school was not qualified to occupy the post. The worst and the most inhuman thing about it was that when this lady returned from leave to assume her job she was at once informed not to take up the post and go back to the class to teach. My concern is not for this lady, but my concern here is for the policy as enunciated by the Government. In the Razak Report it was stated, and I quote, Mr Speaker, Sir—

“There would not be Government teachers and non-Government teachers, nor would there be English school teachers, Malay school teachers, Chinese school teachers and Indian school teachers; nor would there be education officers, graduate officers, normal trained teachers, college trained teachers, certified teachers, etc. There would only be teachers.

There would be one national unified scale with points of entry adjusted according to qualification, promotion bars to be passed

either by qualification or by proved merit and experience. Any teacher, being free to change his or her employment, could theoretically enter the profession at the lowest point of the salary scale and by merit and personal effort reach the very top."

Is not that clear to our officials in the Ministry? What does the Rahman Talib Report say? In that respect it agrees with the view expressed in the Razak Report and says nothing more. If there was a change, I am sure the Rahman Talib Report would have stated that change. But our officials seem to have forgotten that that was the policy. If this teacher who had served for so many years and had produced good results and her relationship with the school board, with the employer, with the parents and the teachers was satisfactory, I don't see why she should not be confirmed as head of the school, even though she is not a graduate. Do the Ministry's officials mean that only graduates are in a position to do good work? If that is so, then I would like them to change their Minister also (*Laughter*). Therefore, I hope, Mr Speaker, the Minister will see that justice is done in this respect, and that the normal trained teachers as well as those who have done yeoman service to this country should be treated with dignity. You must also remember that people—all of us—have feelings and we must respect their feelings.

My last point is about the Aminuddin Baki Report on the cause of failure by Malay students in their Malayan Secondary School Promotion Examination. I am not going to say much on this. I shall reserve that until we come to the Ministry of Education. What really shocks me are that the impressions created, and I would like the Minister to clear away the any bad impression. When the report was published the papers splashed big headlines. The *Malayan Times* said "Teachers to blame for the failure" and the *Straits Times* said "Failure—teachers blamed"—three words but the other way round. I feel that by creating this impression the Committee has done a disservice to the teachers and it was unfair to them. It is my view, Mr Speaker, Sir, that the Committee itself

was dishonest to itself. I say dishonest because I feel that in their heart of hearts they did not want to blame the teachers. They knew who was at fault. They found out the deficiencies, but they had to find someone to put the label on, someone to blame and it was the poor teachers. This Committee was a Committee of Government servants and we cannot expect Government servants to blame the Government. If we had maybe some disinterested persons we would have got a fairer report. I say this because I have reason to believe that the Government itself had a big say in re-writing that report. I hope the Minister will deny that. However, whatever the report says, anybody who can read between the lines, so to say, will know it is not the fault of the teachers. It is not their fault that there are 47.6 per cent who are not qualified at all; in other words, they are not trained to teach. Who recruited them? And to blame them is a disservice. I would like the Minister of Education to kindly correct the wrong impressions. Thank you very much.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang telah lalu dan juga hari ini. Saya pernah mendengar serang²an dan sindiran² daripada pihak penyokong Kerajaan ini yang menyatakan bahawa pihak pembangkang ini, yang tahu hanya, ia-lah mengeritik dan memburokkan Kerajaan sa-mata², dengan tidak mempunyai rasa tanggung-jawab. Akan tetapi bila saya perhatikan, masa Dewan ini membincangkan sa-chara dasar-nya atas anggaran belanjawan bagi tahun 1963, saya dapati sa-bahagian besar daripada ahli² penyokong Kerajaan boleh dikatakan ikut sama menegor dan mengeritik Kerajaan, sa-hingga kadang² timbul pandangan² yang boleh menyebabkan kehormatan dan nama baik dari pihak Kerajaan terhadap beberapa Kementerian telah di-sentuh oleh anggota² pihak Kerajaan itu sendiri. Kadang², Tuan Yang di-Pertua, apabila pihak penyokong Kerajaan berchakap mewakili daerah-nya, sa-bagai Menteri, menjawab serangan² dan hujjah² yang telah di-kemukakan oleh

pehak pembangkang itu, boleh menimbulkan perasaan luchu dan geli hati, sebab kadang² jawapan itu sa-mata² untuk melindungi kesalahan-nya sendiri. Sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat pehak Kerajaan waktu menjawab kechaman² daripada Ahli PAS, bahawa banyak bangunan² sekolah yang belum di-dirikan itu tidak di-ambil perhatian oleh Kementerian dan lantas sa-orang Ahli Yang Berhormat pehak Kerajaan menyatakan bahawa soal sekolah itu ia-lah tanggung-jawab Kerajaan negeri. Jadi, inilah saya katakan menggelikan hati kita dan sa-kurang²-nya menunjukkan bahawa orang yang berchakap itu tidak mengerti hakikat kedudukan Kerajaan yang sa-benar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, pernah saya nyatakan dalam Dewan ini bahawa pehak Kerajaan di-dalam membelanjakan segala ranchangan, terutama dalam bahagian Pembangunan Luar Bandar boleh di-katakan sa-bahagian besar-nya di-lakukan terburu² dengan menggunakan perbelanjaan yang banyak itu, pada-hal kalau ranchangan itu di-lakukan sa-chara chermat dan hati² dan anggaran wang itu dapat di-jimatkan, sedang dengan hasil yang di-dapati tidak-lah lebeh, kalau pun tidak di-katakan sama dengan ranchangan-nya sa-kira-nya di-lakukan sa-chara berchermat. Jadi, pehak Kementerian nampak-nya tidak begitu mengambil berat, sa-olah² boleh di-katakan lari daripada tanggung-jawab-nya bila pandangan² yang membena datang daripada pehak pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, saya pada hari ini hendak berchakap sedikit sa-banyak perkara² yang terkandung dalam tugas Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pertama-nya dalam soal Kelas Dewasa dan sa-bagai-nya.

Pada tahun yang lalu pernah soal kelas dewasa ini saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini dengan memberitahu bagaimana pinchang-nya perjalanan kelas dewasa di-kelas² itu, dan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat menyatakan sa-kali lagi bahawa sifat² dan keadaan² kelas dewasa yang saya telah nyatakan pada sa-tahun yang lalu itu, pada hari ini maseh lagi berlaku dengan keadaan

yang demikian. Pileh kaseh dalam melaksanakan ranchangan kelas dewasa ini maseh berjalan terus. Penggunaan kelas dewasa untuk maksud² politik maseh berjalan terus. Ta' payah-lah saya menyebutkan bukti-nya, sebab dalam surat² khabar sentiasa ada berita² yang menunjukkan bahawa perjalanan kelas dewasa itu maseh merupakan pileh kaseh dan maseh menggunakan bagi maksud² politik. Pehak saya tidak-lah menentang, dan pernah saya katakan yang kami tidak menentang dengan ada-nya ranchangan atau dasar kelas dewasa itu, tetapi kita akan terus menentang chara yang tidak sihat dan tidak baik seperti yang di-lakukan itu. Saya dapat menunjukkan beberapa hal dan beberapa kejadian berkenaan dengan kelas dewasa ini yang telah berlaku di-beberapa buah negeri sa-bagaimana yang berkait dengan tuduhan² yang saya katakan tadi. Di-Pasir Puteh ia-itu di-kawasan saya sendiri, persoalan kedudukan kelas dewasa ini telah menjadi bagitu hibat sa-hingga beberapa buah chawangan UMNO terpaksa di-bekukan dan sa-tengah-nya di-bubarkan, oleh kerana menentang sikap yang di-lakukan oleh ketua²-nya dalam soal kelas dewasa. Baharu² ini Pengurus Kelas Dewasa negeri Kelantan berkehendakkan bagi mengambil beberapa orang tambahan dalam pekerjaan kelas dewasa sa-bagai penyelia dan oleh kerana pehak yang berkenaan itu hendak mengambil orang itu, maka dia telah mengambil beberapa orang itu dengan tidak melalui kehendak² chawangan ia-itu mengambil orang di-chawangan kawasan orang lain yang menyebabkan beberapa chawangan telah di-bubarkan daripada UMNO. Jadi ini telah menunjukkan dengan terang-nya bagaimana pileh kaseh dan penggunaan bagi maksud² politik itu telah berlaku dengan sewenang²-nya dalam perlaksanaan kelas dewasa sekarang ini. Di-suatu tempat dalam negeri Kedah, ada sa-orang Guru Besar Sekolah Kebangsaan yang sa-lain daripada kerja Guru Besar-nya, dia ada-lah menjadi guru kelas dewasa pada tiga tempat, sa-hingga tugas-nya sa-bagai Guru Besar telah mengechewakan murid² dan juga mengechewakan Jemaah guru² itu sendiri sa-hingga berlaku satu kejadian

di-mana 43 orang murid yang masuk pepereksaan darjah enam maka di-dapati ka-semua-nya murid² itu tidak mendapat kejayaan dalam pepereksaan itu, dan perkara ini telah di-bawa ka-dalam meshuarat Jemaah Pengurus Sekolah Kebangsaan itu dan akhir-nya Jemaah Pengurus Sekolah Kebangsaan itu memechat Guru Besar itu daripada berkhidmat. Perkara ini telah berlanjutan ka-atas dan telah sampai ka-pengetahuan wakil ra'ayat di-tempat itu sendiri, entah macham mana chara pehak wakil ra'ayat itu terpaksa membela Guru Besar itu dan terpaksa meminta supaya Guru Besar itu di-tukarkan, atau pun jikalau tidak Jemaah Pengurus itu di-bubarkan kapada yang lain. Tetapi pehak pejabat pelajaran dalam negeri Kedah nampak-nya tidak mengakui kehendak² wakil ra'ayat tersebut, maka perkara ini maseh dalam kajian Pejabat Pelajaran negeri itu sendiri. Ini ada-lah satu bukti yang terlalu nyata menunjukkan bagaimana perjalanan kelas dewasa di-dalam beberapa buah negeri ini berjalan dengan keadaan tidak memuaskan dan berjalan dalam keadaan yang mengandongi maksud² politik di-dalam-nya. Ini bukan sahaja di-negeri Kedah bahkan juga di-negeri Perak saya ada menerima laporan tersebut—ta' usah-lah saya berchakap dalam hal negeri Kelantan, sebab hal ini terbentang dengan terang saperti mata hari baru keluar.

Saya rasa perkara ini ada-lah menjadi tanggung-jawab bagi pehak Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengatasi keadaan² saperti yang demikian, jika sa-kira-nya Kerajaan negeri ini berkehendakkan melihat benar² dasar kelas dewasa ini wujud pada masa akan datang dalam negeri ini.

Demikian juga dalam soal gerakan pemuda desa. Gerakan pemuda desa ada-lah satu gerakan yang baharu dalam negeri ini, tetapi walau pun dia baharu, dia tidak terkechuali daripada hal² keadaan yang berlaku dalam kelas dewasa. Gerakan pemuda desa ini nampak-nya dalam sa-hari dua ini telah di-chuba menggunakan-nya untuk kepentingan politik yang tertentu. *Berita Minggu* 2 haribulan Disem-

ber, 1962 telah menyiarkan satu berita yang dapat saya bachakan sedikit. Kata-nya:

Pertubohan Pemuda Desa "alat UMNO"

Bagan Datoh, Sabtu.—Yang di-Pertua "Persidangan Tetap Belia" daerah Hilir Perak Selatan, Enche' Hamzah bin Haji Kadri telah mengecham Persatuan Pemuda Desa sa-bagai alat parti politik UMNO.

Beliau berkata bahawa Persatuan Pemuda Desa di-tubuhkan berselindong di-balek parti politik, kerana di-mana ada chawangan UMNO, di-situ mesti di-tubuhkan Persatuan Pemuda Desa.

Itu-lah berita yang di-siarkan dalam berita akhbar semalam. Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah dapat menyiasat hal ini dalam tempat² yang lain saperti dalam negeri Kedah juga ada satu kampung yang telah di-janji oleh pehak yang tertentu untuk menubuhkan pertubohan pemuda desa di-kampung itu. Biar saya sebutkan nama tempat itu, ia-itu nama-nya Pengapit Batu. Apakala sampai masa hendak di-tubuhkan pemuda desa itu, tiba² datang-lah pemberitahu dari pehak yang tertentu mengatakan pertubohan pemuda desa itu tidak dapat di-tubuhkan. Bila kita siasat dan kita selideki dengan halus-nya maka kita dapati bahawa di-kampung tersebut tidak ada chawangan UMNO dan tidak ada ahli UMNO, dengan sebab itu di-ikhtiar-lah untuk menubuhkan pemuda desa di-kampung itu untuk masuk UMNO tapi tidak terdaya oleh mereka, maka chadangan untuk menubuhkan pemuda desa di-kampung itu di-batalkan. Demikian juga di-suatu tempat di-negeri Kedah, apakala dapat di-tubuhkan satu badan dengan nama pemuda desa yang mengandongi 60 orang ahli yang hadhir di-dalam-nya, maka terus keluar dalam berita akhbar—orang² kampung di-situ, 60 orang ahli PAS telah keluar masuk UMNO pada hal 60 orang itu tidak masuk UMNO tetapi menubuhkan pertubohan pemuda desa di-tempat itu.

Yang pelek-nya dalam negeri Kelantan pun lebeh kurang juga-lah. Apakala datang pehak yang berkenaan yang kebanyakan-nya orang kuat atau pemimpin tempatan membawa rancangan hendak menubuhkan Pemuda Desa di-satu kampung. Apa yang di-anjor atau di-sharahkan ia-lah supaya

terlebeh dahulu menubuhkan chawangan UMNO atau pun masok menjadi ahli UMNO baharu dapat di-tubuhkan, dan telah berjanji kapada pemuda ia-itu segala ranchangan kemajuan akan di-churahkan dengan banyak dalam kawasan kampung itu. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, nampak-lah kapada kita bahawa sa-bahagian besar daripada badan² atau pertubohan² atau pun apa sahaja yang dapat di-gunakan telah pun di-gunakan oleh Kerajaan Perikatan pada hari ini untuk kepentingan politik, bukan untuk kemajuan negeri ini sa-mata².

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan perusahaan kecil, usaha² yang betul tegas bagi memajukan perusahaan kecil orang Melayu di-merata² kampung itu belum-lah dapat kita saksikan dengan benar². Kementerian yang berkenaan dalam melancharkan kemajuan perusahaan kecil patut-lah mengambil dua dasar yang tertentu. Yang pertama, mengwujudkan perusahaan kecil yang maseh belum ada lagi dan yang kedua mengemas dan mengawal perjalanan perusahaan kecil yang ada sekarang supaya dapat hidup dan dapat berhadapan dengan tentangan² kapitalis saperti perusahaan membuat bata rumah atau pun konterektor kecil dan sa-bagai-nya. Di-dalam negeri Kelantan banyak perusahaan kecil orang Melayu membuat bata. Perusahaan kecil ini pada satu masa pernah di-lawati oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar. Apakala di-lihat-nya keadaan perusahaan kecil itu, maka Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan dan berjanji akan memberi bantuan supaya perusahaan itu dapat di-besarkan, dapat hidup dengan maju dan dapat bertanding di-dalam dunia perniagaan apakala berhadapan dengan kapitalis besar dalam negeri ini. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang ini janji² yang di-beri oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu maseh menjadi nyanyian yang berdengong di-huiong telinga orang di-sana sedang pada hakikat-nya tidak ada apa². Hal ini tentu-lah pehak Kementerian akan menjawab bahawa patut-lah perusahaan kecil itu ber-

hubong dengan pehak RIDA, sebab pehak RIDA ini ada-lah satu badan yang di-tubuhkan khas untok membela dan membantu perusahaan² kecil.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun, patut-lah kita mengenali dari dekat. RIDA ada-lah sa-buah perbadanan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan ini dan tugas-nya yang tertentu di-kelulakan oleh satu juma'ah yang di-namakan Juma'ah Lembaga bagi mentadbirkan dan memajukan usaha RIDA itu sendiri. Akan tetapi, pada masa yang akhir² ini, Tuan Yang di-Pertua, RIDA ini terpaksa menerima dua saloran bagi melaksanakan tugas dan menjalankan kerja²-nya. Yang pertama ia-lah directive dari Kementerian itu sendiri dan yang kedua-nya ia-lah keputusan daripada anggota lembaga itu sendiri. Kedua² perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah berlawanan dan jauh kedudukan-nya, jauh tentang kuasa-nya dan jauh tentang segala²-nya. Adakala pehak lembaga ini berkehendakkan kapada satu perkara, tetapi directive mengatasi daripada kehendak lembaga itu sendiri, dan kadang² boleh menimbulkan satu perasaan yang kurang inak di-kalangan anggota atau ahli lembaga itu sendiri, sa-hingga mereka merasa: kita ini sa-bagai apa, sebab segala²-nya kita terpaksa tundok kapada arahan atau directive daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar sendiri. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja saya merungut kerana saya salah sa-orang ahli lembaga, bahkan sahabat saya yang terdiri daripada orang yang tidak berparti dan juga yang terdiri daripada ahli Perikatan sendiri pun kadang² bersungut akan hal yang demikian, sebab boleh di-katakan hampir tiga suku daripada perjalanan yang di-lakukan dalam RIDA ia-lah menerima di-bawah telunjuk arahan atau directive dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jika keadaan dan hal-nya demikian, maka RIDA tidak akan dapat berkembang sa-bagai satu perbadanan yang bebas yang boleh menjamin bahawa ikhtiar-nya dapat memberi kesan yang baik kapada kemajuan perusahaan kecil orang Melayu di-kampung. Dan kalau dengan bentok saperti demikian, maka saya

rasa boleh juga pehak Kementerian ini akan chuba menggunakan kuasa-nya dengan directive-nya bagi menjalankan, memberi janji atau mengawal perjalanannya perusahaan kecil yang sedia pada masa ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berharap-lah saya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sa-kurang²-nya menunaikan janji yang telah di-berikan kepada perusahaan Melayu, yang beliau telah pergi sendiri dan menyaksi sendiri segala kerja yang di-lakukan dalam perusahaan bata di-negeri Kelantan, terutama kawasan tepi pantai seperti Bachok dan Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya hendak sebutkan lagi di-sini ia-lah baharu² ini Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menerangkan kepada orang ramai menerusi surat khabar berkenaan dengan rancangan untuk menchegeh ma'siat dalam negeri ini. Pehak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa satu undang² akan di-buat bagi menchegeh atau mengawal keadaan ma'siat di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

Kerajaan² Negeri, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah bertanggung-jawab sama berkenaan dengan penchegeh ma'siat di-kalangan orang Islam. Akan tetapi, walau bagaimana pun, apabila orang yang bukan Islam yang melakukan hal ini, maka tidak ada undang² pada masa sekarang ini boleh meng-hukum ka-atas-nya.

Sangat-lah menggelikan hati dan kadang² memalukan kita umat Islam apakala berlaku satu² kejadian jenayah moral atau kejadian ma'siat di-antara sa-orang Islam dengan sa-orang yang bukan Islam maka orang yang bukan Islam juga melakukan kesalahan sama seperti Islam, hanya yang hadir di-Mahkamah sa-bagai sa-orang saksi sedangkan yang akan di-hukumkan ia-lah orang Islam sahaja. Jadi, hal ini tidak akan dapat di-atasi, Tuan Yang di-Pertua, melainkan apakala di-adakan satu Undang² yang meliputi semua pehak, yang meliputi kepada pehak orang Islam dan orang yang bukan Islam supaya negeri ini dapat-lah di-kawal ketinggian moral daripada di-pechahkan oleh kalangan² yang tertentu.

Dalam anggaran pembangunan ini, kita tengok ada peruntukan berkenaan dengan mendirikan rumah bagi mem-baiki akhlak dengan satu Token Vote sa-banyak \$10. Memang benar-lah, Tuan Yang di-Pertua, mengadakan sa-buah rumah itu memang baik tetapi kebaikan itu tidak akan dapat mem-beri jaminan kalau sa-lagi yang penting itu tidak dapat di-adakan ia-itu-lah yang penting-nya di-adakan satu Undang². Undang² ini saya katakan Undang² negara yang meliputi seluroh Persekutuan Tanah Melayu, yang meliputi hukum dan kuatkuasa ka-atas sa-barang orang dengan tidak mengira bangsa, ugama dan sa-bagai-nya. Ini sahaja-lah yang dapat menjamin bahawa keruntuhan akhlak orang² di-negeri ini akan dapat di-baiki sedikit demi sedikit. Dalam hal mengatasi-nya—atau untuk menyusun dan mengemukakan Undang² ini saya berharap-lah supaya orang² yang ber-ugama Islam yang berada di-dalam Juma'ah Menteri kita sekarang ini jangan-lah di-pengarohi oleh orang² yang bukan berugama Islam, supaya benar² tegas, supaya benar² Undang² itu dapat di-kemukakan, supaya benar² Undang² itu akan dapat di-laksanakan di-dalam negeri ini. Sebab kita terpaksa mengatakan bahawa sa-bahagian besar daripada kejadian² ma'siat bukan sahaja terdiri dari lelaki yang bukan Islam dengan perempuan yang bukan Islam malah sa-balek-nya atau pun antara yang bukan Islam dengan yang Islam. Hal yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat di-atasi dengan baik-nya manakala ada satu Undang² negara berkenaan dengan hal tersebut di-adakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelajaran ugama di-Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan. Ini saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita yang baharu ini supaya dapat memberi pertimbangan yang lebih baik pada masa akan datang berkenaan dengan kewajipan dan tanggungan yang sa-benar-nya pelaksanaan dasar pelajaran sekarang ya'ani pelajaran ugama Islam itu akan dapat meliputi di-semua Sekolah² Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan. Satu perkara yang saya suka menyatakan kepada pehak Kera-

jaan Persekutuan Tanah Melayu. Bahawa Kerajaan² negeri, pada masa sekarang ini berkewajipan bagi melaksanakan tugas² supaya pelajaran agama Islam itu meliputi Sekolah² Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan. Pada masa sekarang ini kalau tidak salah ingatan saya pemberian yang di-beri oleh Kementerian ini kepada Kerajaan² negeri ada-lah tidak lebih \$7 bagi tiap² satu kepala murid bagi tiap² sa-buah sekolah itu. Pemberian ini terlalu sedikit dan jika di-bandingkan jumlah besar yang mesti di-tanggung oleh tiap² Kerajaan² Negeri bagi membiayai guru² dan sa-bagai-nya berkenaan dengan pelajaran agama di-Sekolah Kebangsaan ini maka boleh-lah saya katakan tidak sampai satu pertiga daripada perbelanjaan yang sa-benar yang di-tanggung oleh Kerajaan² Negeri itu. Pada hal kita tahu bahawa ini termasuk dasar pelajaran ini boleh-lah di-sipatkan sa-bagai tugas benar² bagi memajukan pelajaran dalam negeri ini. Jadi mudah²an pada masa yang akan datang akan dapat-lah pihak Menteri Yang Berhormat ini memberi pertimbangan yang baik supaya peruntukan di-berikan mengikut kepala ini dapat di-tambahkan pada masa yang akan datang dan beban yang di-tanggung oleh pihak Kerajaan itu akan dapat di-rengankan lagi.

Saya suka berchakap lagi berkenaan dengan Kementerian Buroh. Di-dalam negeri Kelantan sekarang ini pemogokan buroh² di-ladang getah maseh lagi berjalan. Kalau tidak salah ingatan saya mogok itu telah berlaku lebih dari dua bulan, barangkali harus sampai 4 bulan, mogok itu maseh berlaku terus dan sa-hingga sekarang ini kita dapati maseh belum ada satu penyelesaian di-antara kedua² pihak, pihak majikan dan pihak buroh. Sunggoh pun saya tahu Kementerian Buroh telah banyak champor tangan dalam perkara ini akan tetapi saya rasa sudah-lah sampai masa-nya pihak Kementerian Buroh itu melakukan sa-suatu yang boleh menyegerakan tamat-nya pemogokan itu. Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak majikan itu sendiri yang menyebabkan tidak begitu mengambil

berat tentang pemogokan yang di-lakukan oleh buroh² ladang di-Ulu Kelantan itu, ia-lah oleh kerana maseh banyak sumbar² lain yang di-dapati oleh majikan itu sendiri daripada ladang² getah di-tempat² lain, kechuali ladang² getah-nya di-tempat lain itu akan ikut mogok bersama. Jadi, kalau sa-kira-nya pemogokan itu berlaku beberapa lama—di-dalam ladang getah di-Kelantan itu, maka tidak akan selesai-lah dan akan menyebabkan kedudukan ekonomi negara terganggu. Jadi, ini patut-lah menjadi pengajaran kepada pihak Menteri Buroh supaya kalau dengan chara biasa tidak dapat di-selesaikan keadaan mogok ini maka dapat-lah Kementerian Buroh ini memikirkan satu kaedah yang lain sama-ada saperti kaedah melalui Undang² dan sa-bagai-nya supaya menyelesaikan pemogokan yang demikian.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di-sini berkenaan dengan Loteri Kebajikan Masyarakat. Sudah dua hari yang lalu boleh di-katakan dari pihak Pembangkang atau dari pihak penyokong Kerajaan sendiri telah banyak berchakap berkenaan dengan judi, berkenaan dengan penyakit tikam ekor, berkenaan dengan berbagai² chara judi yang bertambah dari sa-hari ka-sahari melibatkan sa-hingga penyakit ini berpanjangan kepada kanak² sekolah dan perempuan² di-rumah. Jadi, judi tikam ekor ia-lah satu judi yang timbul oleh kerana di-adakan Loteri Kebajikan Masyarakat dan bersama² dengan Loteri Lumba Kuda. Di-dalam usaha dan ikhtiar pihak Kerajaan untuk menghapuskan judi² tikam ekor dalam negeri ini maka tidak dapat tiada pihak Kerajaan mesti-lah memandang lebih jauh, memandangkan kepada pokok yang boleh melahirkan judi tikam ekor itu sendiri.

Sudah sampai-lah masa-nya sekarang ini pihak Kementerian meninjau kembali kedudukan loteri kebajikan masyarakat dan loteri lumba kuda. Lebih² lagi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat tahu, mudah²an pihak Kementerian akan dapat menjelaskan bahawa keputusan Majlis Raja² Melayu berkenaan dengan loteri itu, sampai sekarang ini Majlis Raja²

Melayu maseh menganggap bahawa loteri itu ada-lah haram. Masalah loteri itu ada-lah haram, tidak pernah berubah, loteri itu ada-lah judi, dan judi itu ada-lah haram. Chuma yang menjadi masalah-nya ia-lah masalah wang loteri itu dapat di-gunakan atau tidak. Sama ada wang loteri itu dapatkah di-gunakan tidak masok dalam Perbendaharaan Negara itu, tidak-lah saya hendak bahathkan di-sini. Apa yang saya bahathkan ia-lah masalah Majlis Raja² yang mengatakan bahawa loteri itu ada-lah judi dan judi itu haram. Kalau sa-kira-nya dalam soal memasokkan wang hasil daripada loteri itu ka-dalam Perbendaharaan Negara sama ada dengan chara menempil atau bulat², tidak-lah menjadi masalah itu dapat di-ikuti oleh pehak Kerajaan berdasarkan keputusan Majlis Raja² Melayu. Maka kenapa tentang keputusan Majlis Raja² yang menyatakan loteri itu judi tidak di-ikuti oleh pehak Kerajaan, atau Kementerian yang ada pada masa ini mustahak-lah mengkaji sa-mula mudah³an penyakit masharakat merupakan tikam ekor dan sa-bagai-nya akan dapat di-hapuskan.

Saya dapat menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa penyakit judi tikam ekor itu sudah merebak di-negeri Kelantan sana. Padahal beberapa tahun yang lalu judi tikam ekor itu ada di-dalam negeri² sa-belah barat saperti Pulau Pinang, Kedah (*Ketawa*). Boleh jadi juga ada di-negeri Johor kawasan Ahli Yang Berhormat Johor Tenggara. Tetapi pada masa yang akhir ini telah pun merebak sadikit sa-banyak-nya di-sabelah Pantai Timor. Ini semua-nya bala² yang di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan kerana menghalalkan perjalanan loteri ia-itu loteri lumba kuda dan loteri kebajikan masharakat. Saya maseh teringat lagi chakap² yang di-keluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan waktu membawa usul supaya di-luluskan Undang² Loteri Lumba Kuda, bahawa kata-nya Yang Berhormat itu tidak suka dengan loteri ini, chuma jarang² sa-kali kawan²-nya membawa ka-tempat itu, oleh sebab banyak sangat orang yang suka kapada loteri ini maka terpaksa-lah di-buat satu Undang² bagi mem-

bolehkan loteri lumba kuda itu. Kalau sa-kira-nya berdasarkan banyak orang yang suka berjudi maka terpaksa di-buat Undang², saya bimbang pada masa yang akan datang timbul pula Undang² judi tikam ekor. Ini-lah perkara yang harus di-fikirkan oleh pehak Kementerian.

Baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pertanian yang baharu, telah beruchap memberi satu kenyataan bahawa patut-lah di-Tanah Melayu ini ada sa-jenis minuman Kebangsaan yang di-buat daripada nenas. Minuman Kebangsaan itu bukan ayer nenas biasa, tetapi arak daripada nenas. Jadi, kalau negeri² lain ada minuman Kebangsaan, saperti Russia ada minuman Kebangsaan-nya maka patut-lah Tanah Melayu ini ada Minuman Kebangsaan ia-itu arak di-buat daripada nenas. Saya tidak tahu-lah, ada-kah chakap daripada Menteri Yang Berhormat itu sa-chara main² atau sunggoh². Tetapi, teringat saya, yang beliau pernah menggemparkan masharakat Malaya dengan mengatakan dalam Majlis Tari-menari bahawa minuman keras itu ada-lah minuman pergaulan, ia-itu minuman yang boleh dapat perhubungan dan menguatkan tali persahabatan dan berbaik², ini semua-nya telah jadi chakap² saperti itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau benar² Menteri itu chakap main², saya harap lain kali jangan-lah main² sangat, kerana benda ini berat. Kalau Yang Berhormat itu berchakap sunggoh² bertanggung-jawab daripada Kerajaan Perikatan sekarang ini, benar-kah bahawa Kerajaan sekarang ini hendak menjadikan arak yang di-buat daripada nenas itu sa-bagai minuman Kebangsaan, sa-bagaimana ada-nya lagu Kebangsaan, pakaian Kebangsaan, dan bahasa Kebangsaan dan sa-bagai-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau benar-lah pehak Kerajaan Perikatan hendak menjadikan minuman Kebangsaan daripada nenas itu saya sangat-lah kesalkan. Sebab ini berlawanan dan bertentangan dengan ugama Islam yang di-jadikan ugama Rasmi di-Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu, sa-orang Ahli Yang

Berhormat dari Ipoh telah berchakap berkenaan dengan soal bahasa Kebangsaan, dia telah mengambil chakap salah sa-orang daripada Hakim di-Singapura yang telah menyatakan bahawa chubaa orang politik untuk menggantikan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu di-dalam pemakaian perundangan di-dalam Mahkamah itu boleh menimbulkan huruhara. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu dengan suara yang penoh semangat menyatakan bahawa tidakkan dapat bahasa Kebangsaan itu menggantikan bahasa Inggeris di-dalam pemakaian di-Mahkamah. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menyatakan bahawa patut-lah pehak Kerajaan jangan-lah terpengaruh dengan chakap² yang saperti itu dan saya berharap sangat² untuk mendaulkan bahasa Kebangsaan di-dalam negeri ini salewat²-nya mengikut Perlembagaan itu akan dapat di-hasilkan dengan baik-nya. Walau pun, Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan bahawa kegiatan² dari pehak Kerajaan untuk menjadikan bahasa Kebangsaan bahasa rasmi negeri ini, maseh belum nampak dengan jelas dan tegas, chuma baharu² ini nampak-nya di-tubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa bagi memereksa berkenaan dengan penggunaan bahasa Kebangsaan itu di-dalam pentadbiran dan sa-bagai-nya. Saya rasa kalau salagi Kerajaan tidak berani melakukan sa-barang tindakan dan usaha ka-arrah mendaulkan bahasa Kebangsaan dalam negeri ini, sampai berapa tahun pun bahasa Kebangsaan tidak akan dapat mengambil tempat yang baik dalam negeri ini. Walau pun tiap² tahun di-adakan Bulan Bahasa Kebangsaan di-bawah arahan Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi chara² atau pun hal yang berlaku di-dalam gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan itu chuma nampak-nya maseh di-ta'ati oleh golongan murid² sekolah sahaja. Mengadakan peraduan sharahan, peraduan berpantun, peraduan bersha'ir itu dan ini dan sa-bagai-nya dengan menggunakan bahasa Kebangsaan bukan-lah itu sahaja jalan bagi menyampaikan kepada chita² mendaulkan bahasa Kebangsaan. Sa-patut-nya sudah beberapa tahun yang lalu lagi pehak Kementerian ini dapat melaksanakan

usaha² dan kegiatan mendaulkan bahasa Kebangsaan itu menerusi Kementerian masing², walau pun Kementerian itu di-dudoki oleh orang² yang bukan Melayu, tetapi nampak-nya saya sangat-lah sedeh hati manakala petang Sabtu kemarin, waktu Isti'adat Pembukaan Kilang Rothman di-Petaling Jaya bahawa Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sendiri beruchap dengan bahasa yang lain daripada bahasa Kebangsaan. Tiba² manager bahagian Malaya itu berchakap dalam bahasa Kebangsaan. Jadi, sekarang sudah terbalek pula, sa-patut-nya pehak Perdana Menteri kita-lah lebeh dahulu berchakap dalam bahasa Kebangsaan, kemudian akan menjadi chontoh yang akan di-ikuti oleh bangsa² asing dalam negeri ini. Saya tidak tahu kenapa hal yang demikian berlaku, barangkali Perdana Menteri memikirkan tiap² yang hadhir dalam perjumpaan itu banyak bangsa asing, maka kalau ini-lah yang menjadi alasan, kenapa pula manager itu sendiri berchakap dalam bahasa Kebangsaan. Saya pandang manakala tiba pada tempat² chakapan-nya itu orang² itu nampak-nya faham akan chakapan manager itu. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa chakap² sahaja untuk mendaulkan bahasa Kebangsaan dengan tidak di-amalkan tidak-lah memberi ma'ana hendak mendaulkan bahasa Kebangsaan dan akan memberi nafas yang baharu bagi perkembangan penggunaan bahasa Kebangsaan, apatah lagi di-dalam pentadbiran Kementerian itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi sa-orang daripada Yang Berhormat pehak Kerajaan telah berchakap menyindir sa-buah daripada Kementerian Kerajaan Perikatan ia-itu Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat itu telah meminta supaya Menteri Kesihatan yang ada sekarang ini membuat satu pelan yang tertentu supaya gerakan dan perkhidmatan kesihatan seluroh Persekutuan berjalan dengan rapi dan baik. Ini ada-lah sangat menghairankan kita semenjak tahun 1955 Kerajaan Persekutuan sa-hingga merdeka sampai tahun 1962 belum lagi ada pelan atau ranchangan yang tertentu bagi memajukan kesihatan dalam Persekutuan ini.

Jadi ini saya rasa ada-lah satu hal atau satu keadaan yang sunggoh² mendukachitakan kita sakalian. Saya bersama²-lah dengan Ahli Yang Berhormat yang telah beruchap tadi yang meminta Menteri Kesihatan yang baharu ini bagi mengadakan plan atau ranchangan yang tertentu bagi memajukan kedudukan kesihatan dalam Persekutuan Tanah Melayu, dan mudah²-an kalau benar-lah pehak Kementerian sekarang ini tidak ada ranchangan² yang tertentu supaya dapat di-siapkan dengan sa-berapa segera, sunggoh pun sudah terlewat masa-nya, tetapi ada juga. Jadi nampak-nya perkara ini telah menjadi satu kechuaihan yang dilakukan sa-kurang²-nya oleh Kerajaan, atau pun sa-kurang²-nya Menteri² Kesihatan yang telah lalu dalam memimpin Kementerian-nya untuk Kementerian Kesihatan.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengeshorkan kapada Menteri Kesihatan yang ada, sekarang ini supaya memikirkan kedudukan hospital² di-negeri Kelantan itu agar dapat di-besar dan di-baiki pada masa akan datang. Negeri Kelantan pada masa sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah mempunyai penduduk lebeh dari 500,000 orang yang ada hospital hanya dua tempat. Yang pertama di-Kota Bharu dan yang kedua di-Kuala Kerai. Kedudukan yang bagini kechil tidak mampu untuk melayan orang² atau ra'ayat seluroh negeri Kelantan. Ini patut-lah Kementerian yang berkenaan ini berfikir pada masa akan datang supaya perkhidmatan hospital² pada masa akan datang terutama hospital di-Kota Bharu dan hospital di-Kuala Kerai supaya dapat di-baiki dan di-besarkan di-negeri Kelantan, lebeh² lagi negeri Kelantan yang boleh dikatakan sa-bahagian besar penduduk²-nya ia-lah terdiri dari orang² Melayu yang miskin dan tidak mempunyai wang yang banyak untuk hendak membayar kapada doctor² private yang mempunyai klinik di-sana. Dengan hal yang demikian dapat-lah ni'amat kesihatan itu akan dapat di-rasai sama oleh penduduk² di-pantai timur—Kelantan dan juga Trengganu seluroh-nya.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Speaker, Sir, I would like

to speak on the information given by the Minister of Education yesterday. There has been a lot of misapprehension created, and wrongly too, that the promotions from the primary to the secondary schools would be limited to only 30%; and the country was happy to note that the promotions this year had not been 30% but 45%, according to the number of passes. I do hope that this policy would be carried on and this country would be proud to see that the promotions are according to requirements, so that deserving pupils are not turned away from their rightful place in the higher classes.

The other point I would like to touch on, Sir, is the position of the teachers in our schools. To my mind, Sir, one of the causes for some of the disturbances by pupils that we have to face in this country is that the teacher appears to have lost all authority. The teacher is pushed and pulled from all sides. He has to please the headmaster, he has to produce good results, and he has to please the parents, the politicians and the governors and managers of the school. I would say that in some cases the managers and the governors are a great help, but in other cases I am also aware that they, not being aware of the modern trend of education, are in many cases, as the Minister would know, a great hindrance—I think they would be able to serve the Ministry much better if it was clearly understood that they were strictly in an advisory capacity. The teacher then would be able to concentrate more on the pupils, and the pupils would be able to give him more respect because he would have more authority.

We were very happy to note the other day when we read in the papers that there was going to be a mosque situated close to the University. Along with this, I would like to say that we want the future leaders of this country who graduate from the University of Malaya to be men of religion; and I do hope that those graduates who profess other religions would also be given an opportunity to have a place of worship. I know it is not possible to have so many places of worship but I do hope that there will be at least one

hall, call it a Hall of Prayer, where members of other religions will be able to meet at times and have talks or prayer meetings, as and when they feel necessary.

Speaking about the Ministry of Health, Sir, there has been some criticism about big hospitals and not enough small hospitals. To my mind, Sir, the big hospitals and the small hospitals are both necessary. The big hospitals in the larger towns serve not only the population of the town but also most of the serious cases, which require specialist treatment, from the rural areas which are sent to these hospitals; and it is only in these big hospitals that the services of the specialists can be obtained, and where costly equipment are provided.

Sir, there has been some talk about the cinemas in this country. I would not like to touch on the particular film which has been spoken of, but I would like to say that the cinema has a great influence on the population of every country; and today the cinemas are in a position to mould the character and morals of the population. I would be happy if the film censors of our country are stricter and use their scissors more often, particularly with the pictures that are imported into Malaya. As has been said, most of the pictures could be described in six words or two words repeated three times—"Shoot, shoot, shoot. Kiss, kiss, kiss." It is either shooting or kissing most of the time, and I do not think both of them are very good for the youths of our country. I do believe that if the censors are very strict some of the crimes in this country would be brought down.

Mr Speaker, Sir, this morning we had a very eloquent talk from an Honourable Member of the opposition when he attacked the Prime Minister's Fund—the Save Democracy Fund. I do not think that Prime Minister Chou En Lai could have had a better ambassador in this House than the speaker this morning. He wanted Malaya to take a neutral stand, but I doubt that he himself was taking a neutral stand. He was very proud to have read a telegram from the Prime Minister of

the Republic of China, but he had no telegram from the Prime Minister of India. If he had taken a neutral stand he should have corresponded with both Prime Ministers, and I am sure the Prime Minister of India would have replied to him.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr Speaker, Sir, on a point of clarification—our Party did send telegrams to both the Indian Prime Minister and the Chinese Prime Minister. This morning

Enche' T. Mahima Singh: That was not disclosed by the speaker this morning. The stand as taken up by our Prime Minister has been very bold and clear. It is the same stand as that we took during the 12 years of Emergency—that we stand for law and order and we stand on the side of democracy.

Sir, Honourable Members of the Opposition have mentioned about refugees in Hong Kong. To my mind, there is a difference between the refugees in Hong Kong and the refugees in India. The refugees in Hong Kong are refugees who have escaped from their country of their own free will. The refugees in India are people who have been uprooted from their homes for no fault of their own, and neither is their evacuation voluntary.

Mention was made of Formosa. Well, during the time, when that Government had to go to Formosa, Malaya was not independent and after that Malaya was busy with her own affairs fighting her own battle with the communists in this country.

Another point which I would like to touch on is that mention has been made that this is a fund of the MIC. Nothing could be farther from the truth. This Fund has been started by the Prime Minister. An appeal has been made to the whole country and all those who wish to respond to that appeal or contribute to the Fund can do so. The MIC is not collecting the money, neither is it spending the money. The Fund is being handled by Bank Negara. Therefore, it is wrong to say that this is a fund of the MIC. Perhaps, the idea is to excite the

people of this country, but I do not think that it would work, because during the 12 years of Emergency, the people of this country, the law abiding section, lived happily and were able to fight the enemy wherever possible. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² Perbekalan, 1963. Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi kita telah mendengar ucapan Yang Berhormat dari Dato Kramat, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh sahabat saya baharu sa-bentar ini beliau telah membentangkan satu taligerem daripada Perdana Menteri Kominis China. Pada masa yang lalu manakala pehak Kerajaan mengatakan bahawa pehak Socialist Front ada berhubung dengan pehak Kominis China, maka mereka nafikan dengan sa-keras²-nya. Sekarang telah jelas dan nyata bahawa perhubungan itu telah timbul, dan tidak menjadi rahsia lagi.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian atas pengakuan Socialist Front ini. Yang Berhormat dari Setapak, di-mana juga beliau memberi penerangan menafikan bahawa tidak ada berkait dengan Kominis. Sekarang telah jelas. Dan ra'ayat jelata hendak tahu pendirian beliau itu. Ada-kah beliau bersetuju dengan Setia Usaha-nya yang telah menerima taligerem itu? Dan juga pehak Parti Ra'ayat yang mengikut ketua-nya ada-kah mereka itu bersetuju dengan perbuatan ini? Bagi pehak warga-negara yang berasal daripada orang India, saya pun ingin hendak tahu pendirian orang ini di atas sikap Setia Usaha Agong Socialist Front ini yang telah memburokkan berkenaan dengan "Tabong Keselamatan Demokrasi"? Jadi saya fikir dalam Socialist Front ini sudah ada keretakan dan harus dengan sendiri-nya akan pecah tidak lama lagi. Ada-lah "Tabong . . .

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, on a point of explanation. Saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat itu bahawa Yang Berhormat dari Dato Kramat

bukan Setia Usaha Agong Front Socialist Ra'ayat Malaya.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Dia jadi apa! (Ketawa).

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Saya selalu baca dalam surat khabar Setia Usaha Agong Socialist Front ia-lah Yang Berhormat dari Dato Kramat. Itu-lah sebab-nya saya anggap beliau sa-bagai Setia Usaha Agong. Ada pun "Tabong Keselamatan Demokrasi" ia-lah sa-bagai timbang rasa kita kepada orang yang kena tindas dan di-cherobohi. Ini bukan-lah kali yang pertama kita memberi bantuan ka-luar negeri. Yang pertama, kita telah mengadakan "Tabong Bantuan" mengenai pertikian Indonesia-Belanda. Kita telah memungut wang, kain-baju dan lain² benda yang mana kita telah hantar melalui Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Yang kedua, mengenai pencherobohan negara barat terhadap Masir, kita telah mengadakan "Tabong Bantuan" dan menghantar bantuan sa-takat mana yang boleh dengan suka-rela. Yang ketiga, kita telah memberi bantuan kepada Algeria yang menuntut kemerdekaan. Yang keempat, kita dengan suka-rela menawarkan diri untuk membantu Kerajaan Congo melalui Pertubuhan Bangsa² Bersatu dengan menghantarkan tentera kita untuk mengamankan Congo.

Yang kelima, kita menghantarkan kelengkapan perkakas perang yang sudah lama yang tidak di-gunakan lagi kepada Vietnam Selatan dan kita sambut baik orang² di-sana datang di-sini berlateh untuk mempertahankan kemerdekaan negeri-nya. Jadi, ini adalah anjoran dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ikhlas dan dapat tentangan dari beberapa pehak. Saya sangat-lah dukachita tentangan itu datang-nya daripada orang² yang berfikiran waras yang sanggup mengeluarkan perchakapan sa-macham itu. Ini satu perkara yang sangat mendukachitakan dan saya berharaplah untuk ketenteraman negeri kita ini maka hendak-lah di-elakkan daripada mengeluarkan sebarang angkara yang boleh menjadi pertelengkahan di-antara kita sa-sama kita sa-bagai warga-negara Persekutuan Tanah Melayu yang telah

mengaku ta'at setia kepada negara kita ini dan ikuti-lah nasehat daripada Perdana Menteri ia-itu jika kita tidak hendak bagi kepada tabong itu maka kita diam sahaja-lah, kalau kita ada wang lebeh kita beri-lah.

Satu perkara lagi mengenai perchakapan Yang Berhormat wakil dari Ipoh atas perkara pelajaran. Beliau ini sengaja² hendak memutar belitkan perkara yang benar. Beliau mengatakan pada akhir perchakapan-nya ia-itu Kerajaan telah mengaku hendak memberi bantuan dengan chara memberi kebebasan untuk bangsa² lain, dan beliau menyebutkan berkenaan dengan Perlembagaan, yang mengatakan dengan tegas-nya :

"Provided that—

- (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language; and
- (b) nothing in this clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation."

Jadi, apa yang di-chatit dalam Perlembagaan ini pada pendapat saya, Kerajaan telah melaksanakan usaha² lebeh daripada yang patut, sa-hingga memberi bantuan kepada sekolah² China, sekolah India dan sekolah lain² yang mana lain daripada negara ini tidak dapat bantuan sa-umpama itu. Pada permulaan tahun 1961 Kerajaan telah memberi bantuan sa-banyak 40 million ringgit untuk di-berikan kepada sekolah² China dan lain²-nya. Tetapi oleh sebab pehak sekolah China atau Pengarah sekolah² ini dapat penerangan yang mengelirukan maka mereka itu tidak menerima bantuan ini. Sekarang boleh di-katakan tiap² sekolah itu kalau tidak di-berikan dia sendiri minta untuk di-berikan. Apa yang Kerajaan hendak buat lagi. Jadi, saya sangat dukachita-lah jika terbit lagi perkara hendak mengelirukan warganegara Persekutuan Tanah Melayu ini supaya mereka itu tidak perchaya kepada Kerajaan sekarang ini.

Lagi satu perkara Yang Berhormat wakil Ipoh menyebutkan hal berkenaan dengan berlaku-nya jenayah di-Perseku-

tuan Tanah Melayu. Beliau itu berasa bangga kerana di-Ipoh itu tidak begitu banyak berlaku-nya kesalahan² jenayah. Kalau beliau boleh banggakan maka saya sendiri sa-bagai Pengerusi Majlis Daerah, boleh bangga juga kerana di-kawasan saya-lah yang bilangan kechil sa-kali itu pun tidak saya banggakan. Bilangan penduduk² didalam Kuala Lumpur ini lebeh 500 ribu orang, di-dalam Ipoh 200 ribu orang, di-Pulau Pinang barangkali 200 ribu orang; di-Majlis Bandaran Pulau Pinang itu barangkali ada 200 ribu orang, mesti-lah di-bandingkan dengan keadaan penduduk² bukan-lah di-anggarkan banyak-nya kejadian² jenayah itu. Jadi ini-lah satu perkara yang beliau ini sengaja² hendak membanggakan daerah-nya.

Lagi satu perkara yang sangat mustahak saya sebutkan sa-bagaimana yang di-uchapkan oleh Yang Berhormat itu berkenaan dengan pelaksanaan bahasa Kebangsaan. Yang Berhormat wakil dari Ipoh menganggap pada tahun 1967 itu tidak dapat di-laksanakan bahasa Kebangsaan dengan sa-penoh-nya, ini ada-lah menjadi satu chabaran kepada Kerajaan khas-nya kepada Menteri Pelajaran. Saya berharap Kerajaan akan terima chabaran itu dan melaksanakan bahasa Kebangsaan itu dengan sa-penoh-nya pada tahun 1967. Demikian juga saya berharap dengan sa-penoh²-nya di-adakan ranchangan jangka panjang sa-hingga tahun 1967 mengikut tingkatan tahun 1963 kita mulakan apa² yang patut mithal-nya, pengambilan pekerja² untok pejabat² Kerajaan di-beri peluang supaya pekerja² Division IV di-berikan keutamaan ya'ani yang lulus dalam L.C.E. atau darjah VI dalam bahasa Kebangsaan. Pada tahun 1964 kepada orang Division III dan tahun 1965 kepada orang Division II dan kepada tahun 1966 kepada orang Division I, dengan ini dapat-lah mereka itu belajar bersungguh² sa-hingga mereka dapat menyesuaikan diri pada tahun 1967 kelak. Dan saya shorkan supaya orang² yang tidak tahu bahasa Kebangsaan ini di-berikan satu allowance khas bahasa Kebangsaan tetapi tidak-lah termasuk dalam pensionable, untok mereka ini belajar sungguh² dalam

bahasa Kebangsaan. Dan di-berikan nasehat kepada mereka itu, jika mereka tidak lulus dalam bahasa Kebangsaan mereka tidak boleh menjalankan kewajipan urusan surat menyurat maka mereka itu tidak ada peluang untuk naik pangkat lagi. Ini satu perkara saya harap mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Satu perkara lagi wakil dari Ipoh telah sebutkan ia-itu mengenai pejabat Kehakiman. Oleh kerana Undang² ini tidak di-terjemahkan dalam bahasa Kebangsaan maka tidak-lah dapat pejabat Kehakiman itu menggunakan Undang² itu melalui bahasa Kebangsaan. Saya dukachita mendengar keterangan ini kerana saya tahu sa-belum perang dunia yang kedua dahulu chuma negeri² selat di-tiap² pejabat negeri ini menjalankan urusan-nya dalam bahasa Inggeris tetapi Federated Malay States—negeri² Melayu menjalankan pentadbiran urusan pejabat dalam bahasa Kebangsaan—bahasa Melayu tulisan jawi sa-hingga-lah ka-

hari ini dalam Perwatan pun—*Gazette Notification* di-tuliskan dalam tulisan jawi. Kalau-lah 20 tahun dahulu boleh di-laksanakan dengan bahasa Kebangsaan tulisan jawi, saya tidak nampak tahun 1967 tidak dapat di-laksanakan. Saya yakin dan perchaya Kerajaan dapat melaksanakan bahasa Kebangsaan ini pada tahun 1967 dengan sa-penoh-nya. Bukan-lah kita hendak mendapat perubahan baharu bahkan membalekkan chara kita itu sa-bagai sa-belum perang dahulu dan sangat sesuai sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalek saya kepada ucapan wakil Besut di-mana beliau sa-bagai Yang di-Pertua Agong parti Islam sa-Tanah Melayu beliau telah berchakap

Mr (Deputy) Speaker: Order! order! Time is up now. The debate on this motion will resume tomorrow. The meeting is now adjourned till 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.30 p.m.